

23/04/1999

Ekonomi negara bergerak ke arah pemulihan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata tempoh terburuk dalam sejarah ekonomi negara sudah berlalu dan negara kini menuju ke arah pemulihan.

Perdana Menteri berkata, petanda baik itu dapat dilihat antara lain melalui kadar inflasi, simpanan yang meningkat, indeks pasaran saham yang bertambah baik dan penurunan pada kes cek tendang.

"Tahap terburuk bagi ekonomi negara sudah berlalu dan kita kini bergerak ke arah pemulihan," katanya kepada pemberita di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr Mahathir juga yakin jangkaan pertumbuhan negara sebanyak satu peratus untuk tahun ini dan lima peratus bagi tahun 2000 akan dicapai.

Bagaimanapun, beliau berkata pertumbuhan itu bergantung kepada ekonomi dunia, yang mana pada masa ini tidak membangun dengan pesat, manakala sistem kewangan antarabangsa tidak menyumbang kepada pertumbuhan itu.

"Tetapi, kita mampu menangani krisis ini dengan mudah walaupun ia adalah yang terburuk pernah berlaku dalam sejarah negara," katanya.

Mengulas perubahan sentimen agensi penarafan dan penyelidik asing terhadap ekonomi negara, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak mahu mengangap yang mereka mempunyai kepentingan tertentu.

"Mereka harus mengakui bahawa keadaan bertambah baik sekarang kerana ia akan memalukan mereka sendiri jika terus berkata `no', `no', `no' (kepada Malaysia)."

(END)